



**MINIT MESYUARAT
MAJLIS BERSAMA JABATAN
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA
BILANGAN 1 TAHUN 2021**

Tarikh : 25 Februari 2021 (Khamis)

Masa : 2.30 – 4.30 petang

Tempat : Bilik Mesyuarat Mutiara
Aras 6, Blok Menara 4G2
Wisma Tani, Putrajaya

KEHADIRAN WAKIL PENGURUSAN:

1. Encik Ahmad Tarmidzi bin Ramly - Pengerusi
Ketua Pengarah Perikanan Malaysia
2. Hj Mohd Sufian bin Sulaiman
Timbalan Ketua Pengarah Pengurusan
3. Puan Norisma binti Mohd Ismail
Pengarah Bahagian Khidmat Pengurusan
4. Hj Mohd Mohtar bin Mahamud
Pengarah Bahagian Pembangunan
Latihan dan Kemajuan Kerjaya
5. Puan Nur Ilyani binti Md Aris - Setiausaha Pengurusan
Bahagian Khidmat Pengurusan (Pencatat Minit)
6. Puan Hasniah binti Othman
Bahagian Pembangunan Latihan dan
Kemajuan Kerjaya
7. Puan Rosmiati binti Ahmad
Bahagian Khidmat Pengurusan
8. Puan Safura binti Shaaruddin
Bahagian Khidmat Pengurusan
9. Puan Nur Amira Yasmin binti Mohd Yusoff
Bahagian Khidmat Pengurusan
10. Puan Wajeehah binti Mohd Ghazali
Bahagian Khidmat Pengurusan

11. Puan Nor Sa'adah binti Hj Mohd Sidek
Bahagian Khidmat Pengurusan
12. Puan Arbaiah binti Ujud
Bahagian Khidmat Pengurusan

KEHADIRAN (WAKIL PEKERJA):

1. Encik Nordiskandar bin Nor Tajudin – (Wakil Naib Pengerusi)
Bahagian Kejuruteraan
Wakil Pekerja (Pegawai Perikanan Gred G41/G44 Kejuruteraan)
2. Encik Syed Yusuf bin Wan Drahman
Bahagian Perancangan dan Pembangunan
Setiausaha Bersama (G41)
3. Puan Norhabina binti Abd Aris
Bahagian Pengembangan Perikanan
Wakil Pekerja (Penolong Pegawai Perikanan Gred G32)
4. Puan Faizah Nor binti Mohamed
Bahagian Biosekuriti
Wakil Pekerja (Penolong Pegawai Perikanan Gred G29)
5. Encik Mohd Faridzuan bin Mohd Pauzhi
Bahagian Pengurusan Maklumat
Wakil Pekerja (Juruteknik Komputer/ Penolong Pegawai Teknologi Maklumat/
Pegawai Pegawai Teknologi Maklumat Gred FT19/FT22/F38/F41/F44/F48)
6. Puan Almina binti Espin
Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik
Wakil Pekerja (Pembantu Perikanan Gred G19)
7. Puan Nurul Hanisah binti Mahmud
Bahagian Khidmat Pengurusan
Wakil Pekerja (Pembantu Tadbir (Kewangan) Gred W19/W22/W26)
8. Encik Muhammad Azri bin Sabaruddin
Bahagian Biosekuriti
Wakil Pekerja (Pembantu Tadbir (Perkeranian /Operasi) Gred N19/N22/N26)
9. Encik Mohd Fazerul bin Noor Hashim
Bahagian Perlindungan Sumber
Wakil Pekerja (Operator Wayarles Gred N19/ N22/N26)
10. Encik Hamidon bin Ahmad
Bahagian Pengembangan Dan Pemindahan Teknologi
Wakil Pekerja (Penolong Pegawai Perikanan Gred G36)

11. Puan Siti Sutina binti Omar
PBKLIA
Wakil Pekerja (Skim Perkhidmatan Sains – C)
12. Hj. Mohd Ali bin Sulaiman
Pejabat Ketua Pengarah Perikanan
Wakil Pekerja (Pembantu Operasi Gred N11 / N14)

TIDAK HADIR DENGAN MAAF:

1. Encik Mohamed Ridzuan bin Mohamed Alias
Bahagian Taman Laut dan Pengurusan Sumber
Wakil Pekerja (Pegawai Perikanan Gred G48)
2. Encik Mohd Yusof bin Yunus
Bahagian Kejuruteraan
Wakil Pekerja (Penolong Jurutera Gred J26/JA29/JA36/JA38)
3. Puan Yuniza binti Baharom
Bahagian Khidmat Pengurusan
Wakil Pekerja (Setiausaha Gred N19 / N22 / N29 / N28 / N32 / N36)
4. Encik Mohamad Alif Iqbal bin Abdul Hisham
Unit Komunikasi Korporat
Wakil Pekerja (Pembantu Perikanan Gred G19)
5. Encik Yusri bin Ismail
Kader MOA
Wakil Pekerja (Pegawai Perikanan Kader Gred G44)
6. Khaitrul Ediana binti Mohd Tahir
Pejabat Ketua Pengarah Perikanan
Wakil Pekerja (Skim Penyelidikan – Q)

1. UCAPAN ALUAN Pengerusi MBJ

- i. YBrs. Pengerusi mengucapkan salam dan terima kasih kepada ahli mesyuarat yang hadir secara fizikal dan juga secara maya melalui aplikasi *Google Meet*.

Tindakan: Makluman

2. UCAPAN ALUAN WAKIL NAIB Pengerusi MBJ

- i. Naib Pengerusi MBJ, Encik Mohamed Ridzuan bin Mohamed Alias telah mewakili Encik Nordiskandar bin Nor Tajudin kerana tidak dapat hadir.

Tindakan: Makluman

- ii. Encik Nordiskandar bin Nor Tajudin memaklumkan bahawa tiada isu yang telah dimaklumkan kepada beliau oleh Naib Pengerusi. Walau bagaimanapun Mesyuarat dimaklumkan bahawa terdapat beberapa wakil MBJ Pekerja yang perlu dilantik semula kerana ahli telah naik pangkat ataupun telah meninggal dunia seperti berikut:

- a. Wakil MBJ Gred G44 – Naib Pengerusi telah naik pangkat ke Gred G48
- b. Wakil MBJ pemandu Gred H11 – pegawai telah meninggal dunia.

Tindakan: Makluman

- iii. YBrs. Pengerusi memohon Ahli MBJ Pekerja untuk melantik wakil baharu bagi gred yang telah dinyatakan.

Tindakan: Ahli MBJ Pekerja

3. PENGESAHAN MINIT MESYUARAT MAJLIS BERSAMA JABATAN (MBJ) BILANGAN 3 TAHUN 2020

- i. Minit Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan (MBJ) Bilangan 3 Tahun 2020 diusulkan untuk disahkan dengan pindaan kepada tajuk iaitu “Bilangan 3 Tahun 2020) oleh Cik Nur Amira Yasmin binti Mohd Yusoff dan disokong oleh Puan Safura binti Shaaruddin .

Tindakan: Makluman

4. PERKARA – PERKARA BERBANGKIT

4.1 *Blue Print* Laluan Kerjaya

- i. Pengarah PLKK memaklumkan sedang menubuhkan jawatankuasa dengan bantuan Institut Aminuddin Baki bagi penetapan kriteria kompetensi bagi pembangunan laluan kerjaya;

Tindakan: PLKK

- ii. Tambahan pada itu, satu panel pakar yang terdiri dari pegawai dari Kementerian dan Jabatan perlu ditubuhkan bagi menilai pegawai di Jabatan bermula dari Gred G44.

Tindakan: PLKK

4.2 Kertas Kerja Naik Taraf Pembantu Perikanan Gred G19 / G26 / G28 ke Gred G29 secara Tukar Lantik

- i. Mesyuarat dimaklumkan bahawa urusan menambah Sijil Perikanan di dalam syarat lantikan ke Penolong Pegawai Perikanan Gred G29 masih di dalam kajian JPA;

Tindakan: Makluman

- ii. PLKK mencadangkan penetapan kuota lantikan baharu Penolong Pegawai Perikanan Gred G29 yang mempunyai Sijil Perikanan ditetapkan pada 25% atas justifikasi graduan Sijil Perikanan telah dilatih berdasarkan kurikulum yang telah dibangunkan oleh Jabatan dan pelajar telah menerima pendedahan terus berkenaan hal ehwal bidang perikanan;

Tindakan: Makluman

- iii. Walau bagaimanapun, dimaklumkan bahawa pihak SPA tidak membuat penetapan peratus kuota bagi kriteria-kriteria yang ditetapkan oleh Jabatan. Oleh yang demikian BKP mencadangkan bahawa penetapan kemasukkan calon yang mempunyai Sijil Perikanan dibuat secara dalaman iaitu di atas syor Pengerusi dan Wakil Jabatan ketika proses temuduga.

Tindakan: Makluman

- iv. Ahli MBJ Pekerja memaklumkan Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Majlis Bersama Kebangsaan (MBK) Bagi Pekerja-Pekerja Am telah bersidang pada 13 Ogos 2020. Hasilnya pihak kementerian akan memanggil Jabatan Perikanan Malaysia bagi membincangkan mengenai Pertukaran Pelantikan Skim Perkhidmatan Perikanan G19 kepada Skim Perkhidmatan Penolong Pegawai Perikanan G29. Sesi *engagement* telah ditetapkan pada 16 Mac 2021.

Tindakan: BKP, PLKK, Wakil MBJ Pekerja

4.3 Penambahbaikan Laluan Kerjaya Bagi Skim Perkhidmatan Sains (C) dan Operator Wayarles (WO)

- i. Mesyuarat dimaklumkan bahawa perbincangan berkenaan penambahbaikan skim Perkhidmatan Sains (C) dan Operator Wayarles (WO) bersama Kementerian dan JPA akan dilaksanakan pada 10 Mac 2021 melibatkan BKP dan wakil skim berkenaan;

Tindakan: BKP, Wakil MBJ Pekerja

- ii. YBr. Pengerusi memohon wakil MBJ Pekerja bagi Skim C (Siti Sutina binti Omar) dan Skim WO (En. Mohd Fazerul bin Noor Hashim) untuk membuat mesyuarat rasmi bersama wakil skim masing-masing untuk mendapatkan maklum balas yang jelas untuk dibentang sewaktu perbincangan bersama Kementerian dan JPA.

Tindakan: Wakil MBJ Pekerja

4.4 Pengisian Kekosongan Bahagian Kejuruteraan

- i. Dimaklumkan hasil perbincangan bersama Bahagian Kejuruteraan, pihak BKP telah membuka permohonan pengisian Pegawai Perikanan Gred G41 di Bahagian Kejuruteraan dari kalangan kelulusan Kejuruteraan Elektrikal;

Tindakan: Makluman

- ii. Walau bagaimanapun, mungkin akan berlaku isu ketika pengisian pegawai berkenaan kerana Pengerusi temuduga adalah dari pihak Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dan bukannya wakil Jabatan yang menyukarkan pemilihan calon dari seluruh Malaysia;

Tindakan: Makluman

- iii. Mesyuarat mencadangkan bahawa perlu diadakan *Pre-Council* bagi wakil Jabatan yang akan turut serta di dalam proses temuduga supaya boleh memaklum kepada Pengerusi berkenaan keperluan pengisian Jabatan;

Tindakan: BKP

- iv. Berkenaan surat Aku Janji Pegawai Perikanan Kejuruteraan, satu surat telah dihantar ke PLKK bagi membangunkan *Entry dan Exit point* (latihan, kompetensi) bagi pegawai berkenaan di Bahagian Kejuruteraan. Surat contoh Aku Janji telah dilampirkan bersama;

Tindakan: PLKK, Bahagian Kejuruteraan

- v. Mesyuarat turut mencadangkan kajian semula bagi syarat kemasukkan Pegawai Perikanan dari bidang Kejuruteraan supaya lebih jelas perbezaan berbanding Pegawai Perikanan sedia ada.

Tindakan: BKP

4.5 Pembangunan *Subject Matter Experts (SME)* di Jabatan

- i. YBrs. Pengerusi bertanya usaha Jabatan mengenai pembangunan SME bagi menangani isu lambakan pegawai di Gred G44;

Tindakan: Makluman

- ii. Pengarah PLKK memaklumkan bagi membangunkan SME di Jabatan, ia memerlukan komitmen yang tinggi dari pihak pengurusan kerana perlu melaksanakan *workshop* selama 3 hari bagi menetapkan bidang-bidang kerja yang layak dijadikan sebagai bidang kepakaran;

Tindakan: Makluman

- iii. YBrs. Pengerusi menyatakan bahawa Jabatan perlu mengikuti jejak DOA dan DVS yang telah pun mempunyai laluan kerjaya SME bagi pegawainya. Beliau memohon pihak PLKK untuk melaksanakan *Pre-Council* bersama Bahagian untuk merangka bidang yang diperlukan sebelum menetapkan tarikh *workshop* bersama JPA.

Tindakan: PLKK

- iv. YBrs. Pengerusi juga memaklumkan survey berkenaan pegawai yang berminat untuk memohon boleh dilaksanakan melalui aplikasi *Google Form*.

Tindakan: PLKK

5. ISU WAKIL MBJ PEKERJA

5.1 Perjawatan di Bahagian Pembangunan Maklumat

- i. Wakil Pekerja MBJ skim F memaklumkan bahawa BPM pernah mengemukakan kertas bagi memohon kakitangan F421, N29 dan juga H11 (pemandu), tetapi permohonan telah ditolak. Dimaklumkan BPM mengalami kekangan kakitangan teknikal yang serius kerana hanya mempunyai 10 pegawai tetap dan 5 orang pegawai Mystep bagi menjaga 139 pejabat, 2181 e-mel dan 90 server. Tambahan pada itu, pegawai Mystep yang tidak layak menerima elaun ketika bekerja di luar kawasan merumitkan urusan kerja.

Tindakan: Makluman

- ii. BKP mengambil maklum bahawa sewaktu draf re-org pertama, BPM telah memohon penambahan sebanyak 16 perjawatan namun tidak dapat dipenuhi oleh Jabatan. Walau bagaimanapun kertas pertimbangan *Contract Of Service* sebanyak 16 jawatan bagi seluruh Jabatan masih di dalam pertimbangan JPA.

Tindakan: BKP

- iii. YBrs. Pengerusi memohon BPM untuk semak sekiranya berbaloi untuk melantik pegawai Mystep di Negeri bagi menjalankan kerja-kerja teknikal. Ini bagi mengelakkan keperluan untuk bekerja di luar kawasan. Walau bagaimanapun sekiranya masih perlu, dimohon pegawai Mystep untuk ke luar kawasan menggunakan kenderaan pejabat dan diiringi oleh pegawai tetap bagi tujuan tuntutan elaun.

Tindakan: BPM

- iv. Diingatkan juga bahawa sistem Mystep masih di dalam fasa pilot dan mungkin akan ada perubahan pada syarat-syarat kelayakan pegawai pada masa akan datang.

Tindakan: Makluman

- v. BPM juga memohon sekiranya Jawatan Pengarah Bahagian boleh dijadikan fleksi F52 / F54;

Tindakan: Makluman

- vi. Dimaklumkan bahawa pertukaran jawatan F52 ke fleksi F52/F54 adalah berkenaan dasar perjawatan. Pada masa ini jawatan fleksi hanya bagi Skim-skim tertentu yang telah dikenalpasti oleh JPA. Sebarang naik taraf perjawatan memberikan implikasi kewangan.

Tindakan: Makluman

5.2 Perkembangan Lapisan Jawatan Penolong Pegawai Perikanan Gred G40

- i. Wakil pekerja MBJ Gred G36 memohon perkembangan berkenaan lapisan jawatan Penolong Pegawai Perikanan Gred G40;

Tindakan: Makluman

- ii. BKP memaklumkan bahawa berdasarkan kertas Re-Org Jabatan yang terkini, terdapat 1 perjawatan G40 yang dicadang untuk diwujudkan di Bahagian Biosekuriti.

Tindakan: Makluman

5.3 Persijilan Kursus Anjuran Luar Secara Atas Talian

- i. Wakil pekerja memohon pencerahan bagaimana untuk mendapat pengiktirafan kehadiran ke kursus-kursus di atas talian oleh penganjur luar yang tidak mengeluarkan sijil;

Tindakan: Makluman


- ii. Pihak PLKK memaklumkan bahawa pegawai boleh mengemukakan surat keterlibatan atau perakuan kehadiran ke kursus-kursus berkenaan ke PLKK untuk dijadikan sijil.

Tindakan: Makluman

6. PENUTUP

YBrs. Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada ahli mesyuarat yang hadir dan Mesyuarat ditangguhkan pada jam 4.50 petang.

DISEDIAKAN OLEH:



(NUR ILYANI BINTI MD ARIS)
Setiausaha Pengurusan
Majlis Bersama Jabatan
Jabatan Perikanan Malaysia



(SYED YUSUF BIN WAN DRAHMAN)
Setiausaha Bersama
Majlis Bersama Jabatan
Jabatan Perikanan Malaysia